

No. Rujukan : UNISEL/HEP18/205-MPP(27)JLD.1
Tarikh : 6 Mac 2018

Kepada :

SEMUA STAF UNIVERSITI SELANGOR

YBhg. Prof. / Prof. Madya / Dr. / Tuan / Puan,

MAKLUMAN PENGGUNAAN DAKWAT HITAM SEMASA PROSES PENGUNDIAN PEMILIHAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP) UNISEL SESI 2018/19

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

Adalah dimaklumkan bahawa Bahagian Pembangunan Pelajar dan Jaringan Komuniti (HEP) akan mengadakan **Hari Pengundian** bagi Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UNISEL Sesi 2018/19 pada **14 Mac 2018 (Rabu)**.

Sehubungan itu, pihak Jawatankuasa Pemilihan MPP UNISEL Sesi 2018/19 bersetuju untuk menggunakan dakwat hitam pada proses pengundian kali ini. Pengundi akan ditandakan dengan dakwat hitam dan dibenarkan untuk mengundi. Dakwat hitam adalah sebagai bukti bahawa pengundi tersebut telah melakukan pengundian dan tidak dibenarkan lagi untuk mengundi.

Berikut disenaraikan tatacara bagaimana calitan akan dilakukan, iaitu:

- Dakwat hitam dicalitkan pada jari telunjuk kiri pengundi; atau
- Dakwat hitam dicalitkan pada mana-mana jari kiri jika tiada jari telunjuk kiri; atau
- Dakwat hitam dicalitkan pada jari telunjuk kanan jika tiada mana-mana jari kiri; atau
- Dakwat hitam dicalitkan pada mana-mana jari kanan jika tiada jari telunjuk kanan; atau
- Dakwat hitam dicalitkan pada hujung lengan kiri jika tiada mana-mana jari.

Kerjasama daripada YBhg. Prof. / Prof. Madya / Dr. / tuan / puan amatlah diharapkan. Sekian, terima kasih.

Yang benar,



PROF. DR. SHAHARUDDIN BIN BADARUDDIN

Naib Presiden & Timbalan Naib Canselor

Pembangunan Pelajar & Jaringan Komuniti (HEP)

Merangkap, Penasihat Utama Pilihan Raya Majlis Perwakilan Pelajar UNISEL Sesi 2018/19

s. k : Penasihat, Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar UNISEL Sesi 2018/19
: Pengarah / Pengurus Pilihan Raya, Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar UNISEL Sesi 2018/19



BAHAGIAN PEMBANGUNAN PELAJAR DAN JARINGAN KOMUNITI (HEP)
STUDENT DEVELOPMENT AND COMMUNITY ENGAGEMENT DEPARTMENT
Bestari Jaya Campus: Jalan Timur Tambahan, 45600 Bestari Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
Tel: +603 3280 5030 / +603 3280 5055 Fax: +603 3289 8281